

Tibi: Ramai **abai** gejala ringan

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Peningkatan kes tuberkulosis (tibi) di Malaysia dilihat membimbangkan dan memerlukan perhatian serius masyarakat terutama ketika musim

perayaan yang menyaksikan peningkatan perhimpunan serta interaksi sosial.

Pakar Perubatan Respiratori, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ummi Nadira berkata, tibi masih menjadi isu kesihatan

awam yang signifikan walaupun rawatan berkesan tersedia.

Menurutnya, kelewatan mendapatkan pemeriksaan dan rawatan menyebabkan pesakit itu menyebarkan jangkitan kepada ahli keluarga dan komuniti tanpa disedari.

"Tibi merebak melalui udara apabila individu yang dijangkiti batuk, bersin atau bercakap, terutamanya dalam ruang tertutup dan kurang pengudaraan.

"Perhimpunan besar seperti rumah terbuka Tahun Baharu Cina dan majlis berbuka puasa meningkatkan risiko penularan sekiranya individu bergejala tidak mendapatkan pemeriksaan awal," katanya kepada Harian Metro.

Kelmarin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan sebanyak 503 kes baharu tibi di kesan di seluruh negara sehingga Minggu Epidemiologi kelima tahun ini (ME 5/2026) menjadikan bilangan keseluruhan kes kepada 2,571 setakat ini.

KKM dalam satu kenyataan memaklumkan Sabah mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 614 kes diikuti Selangor (476 kes),

"Tibi merebak melalui udara apabila individu dijangkiti batuk, bersin atau bercakap, terutamanya dalam ruang tertutup"

Dr Ummi Nadira

Sarawak (257 kes), Johor (233 kes) serta Kuala Lumpur dan Putrajaya (202 kes).

Dr Ummi Nadira berkata, simptom tibi sering bermula dengan gejala ringan yang mudah diabaikan, menyebabkan ramai pesakit hanya mendapatkan rawatan apabila keadaan

menjadi lebih serius.

"Gejala utama ialah batuk berpanjangan melebihi dua minggu. Selain itu, pesakit mungkin mengalami demam berlarutan, berpeluh malam, susut berat badan, hilang selera makan serta cepat penat.

"Jika mengalami simptom ini, jangan tunggu. Dapatkan pemeriksaan segera kerana rawatan awal bukan sahaja melindungi diri sendiri, tetapi juga orang sekeliling," katanya.

Jelasnya, penularan tibi lebih mudah berlaku dalam persekitaran sesak seperti rumah dengan kepadatan tinggi, tempat kerja tertutup dan institusi.

Tambahnya, golongan berisiko termasuk pesakit diabetes, warga emas serta individu dengan sistem

imun lemah.

"Walaupun tibi boleh dirawat dan disembuhkan, pematuhan kepada rawatan adalah sangat penting. Rawatan yang tidak lengkap boleh menyebabkan tibi tahan ubat yang lebih sukar dirawat.

"Masyarakat diingatkan supaya mengamalkan langkah pencegahan termasuk memastikan pengudaraan baik dalam ruang tertutup, mengamalkan etika batuk yang betul dan memakai pelitup muka jika bergejala," katanya.

Tambahnya, sekiranya seseorang itu mengalami gejala tidak sihat atau mengalami batuk berpanjangan, elakkan menghadiri majlis atau perhimpunan besar bagi mengurangkan risiko penularan.

Apa itu Tibi

- Penyakit berjangkit disebabkan bakteria *Mycobacterium tuberculosis*.
- Merebak melalui udara apabila pesakit batuk, bersin atau bercakap rapat.
- Biasanya menyerang paru-paru tetapi boleh menjangkiti organ lain.



Jangkitan melalui udara yang mengandungi titisan *Mycobacterium tuberculosis*

Apa itu Kluster Tibi

- 2 kes atau lebih yang mempunyai kaitan dari segi masa, tempat atau kontak.
- Menunjukkan kemungkinan rantai jangkitan yang sama.
- Kes indeks ialah kes pertama yang dikenal pasti.
- Boleh berlaku dalam keluarga, tempat kerja atau institusi.
- Kluster aktif selama 6 bulan.



Mycobacterium Tuberculosis

Sejarah Tibi di Malaysia

- Wujud sejak 1940-an dan sangat digeruni kerana tiada rawatan.
- Pesakit diasingkan di sanatorium seperti Pusat Tibi Negara.
- **1946:** Streptomisin ditemui sebagai rawatan.
- **1952:** Isoniazid diperkenalkan sebagai ubat berkesan.
- Stigma terhadap pesakit wujud akibat pengasingan dan kematian tinggi.

Situasi Tibi di Malaysia (Data terkini)

i. **2025:** 88 kluster, 254 kes, 35 kluster masih aktif.

ii. **2026** (setakat 7 Februari): 10 kluster aktif.

iii. Negeri terlibat: Selangor, Johor, Sabah, Kedah, Kelantan, Pahang dan Perlis.

iv. **ME 5/2026:** 503 kes baharu, jumlah keseluruhan 2,571 kes.



Pecahan bilangan kes mengikut negeri

Saringan dan Diagnosis

- Saringan simptom.
- Pemeriksaan paru-paru.
- X-ray dada.
- Pemeriksaan kahak.



Langkah Kawalan dan Pencegahan

- Rawatan awal anti-Tibi.
- Saringan dan rawatan untuk kontak rapat.
- Pemantauan rawatan melalui Directly Observed Therapy (DOT).
- Amalkan etika batuk dan pakai pelitup muka jika bergejala.